

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Dalam sesebuah kajian ilmiah kaedah penyelidikan merujuk kepada cara bagaimana penyelidik itu mendapat maklumat bagi mencapai sesuatu matlamat penyelidikan yang akan dibuat. Penyelidik hendaklah memikirkan untuk memilih kaedah yang paling berkesan dalam pengumpulan data.

Dalam bidang penyelidikan, para sarjana menyarankan beberapa kaedah penyelidikan sejarah, penerokaan dan deskriptif, eksperimen, *ex post facto*, kaedah tidak obstrusif dan kaedah penilaian (Mohd Majid Konting, 1990 : 86).

Dalam konteks disertasi ini, kaedah penyelidikan yang dipilih ialah kaedah penyelidikan deskriptif, iaitu memberi fokus terhadap penghuraian dan penerangan tentang satu fenomena yang sedang berlaku. Fenomena yang sedang dikaji itu ialah satu perlakuan khusus. Fenomena yang akan dijelaskan

nanti ialah kecenderungan penggunaan kamus di kalangan pelajar-pelajar. Situasi yang dikaji ialah di dalam kelas dan pusat sumber.

3.2 Rekabentuk Kajian

Penyelidikan ini dilakukan dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif. Rekabentuk penyelidikan pula ialah kajian tinjauan dan kepustakaan. Rekabentuk penyelidikan atau kajian secara tinjauan digunakan untuk mendapatkan maklumat-maklumat mengenai penggunaan kamus di kalangan pelajar-pelajar di sekolah menengah. Berdasarkan data-data yang diambil daripada soal selidik ke atas pelajar-pelajar, data-data ini dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif. Daripada data-data yang telah dianalisis itu, maka kajian yang dilakukan ini dibuat huraian dengan mendalam.

Jenis tinjauan yang digunakan dalam kajian ini ialah tinjauan sampel. Jenis rekabentuk persampelan yang digunakan ialah persampelan kelompok. Kajian tinjauan jenis ini lebih murah, menggunakan kakitangan dan penyeliaan yang sedikit, menggunakan masa yang lebih singkat dan keputusan yang lebih tepat. Rekabentuk persampelan jenis ini memberi keputusan yang lebih tepat kerana tiga kelompok sampel yang dipilih itu mewakili populasi pelajar yang cerdas,

sederhana dan lemah dalam pelajaran. Rekabentuk persampelan begini dijangka boleh memberi keputusan yang lebih tepat kerana sampel yang kecil itu membolehkan penyelidik membuat penyeliaan yang lebih rapi.

Alat yang digunakan ialah satu set soal selidik yang mengandungi 35 soalan (Lampiran A). Borang-borang soal selidik itu diberikan kepada sampel untuk dijawab di rumah. Keesokan harinya, responden pulangkan borang-borang soal selidik itu kepada pengkaji untuk dianalisis.

Rekabentuk penyelidikan ini dibentuk untuk mendapatkan maklumat-maklumat mengenai kekerapan penggunaan kamus di sekolah menengah, sejauh mana kamus-kamus digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa (bahasa Melayu dan bahasa Inggeris) dan apakah masalah-masalah penggunaan kamus di kalangan pelajar di sekolah menengah.

Data-data daripada guru pula diperolehi dengan cara menemuramah mereka. Dalam wawancara tersebut sebanyak 27 soalan diajukan kepada mereka (Lampiran B). Jawapan yang diberikan oleh guru-guru itu dicatat dan dirakamkan oleh pengkaji untuk dianalisis.

3.3 Kawasan Penyelidikan

Kajian ini dijalankan di daerah Besut, Terengganu iaitu sebuah daerah yang terletak di utara negeri Terengganu bersempadan dengan negeri Kelantan. Sekolah yang dipilih ialah Sekolah Menengah Agama Maarif, Kota Putera, Besut. Pekan Kota Putera ialah nama baru bagi Kg. Raja, merupakan pusat pentadbiran bagi daerah Besut. Pekan ini terletak kira-kira 10 kilometer dari bandar Jertih, iaitu sebuah bandar terpenting di daerah ini.

3.3.1 Latar Belakang Sekolah

Sekolah yang dikaji ialah sekolah gred A di bawah pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu. Jumlah pelajarinya ialah seramai 1069 orang. Sekolah ini ditubuhkan pada 5 November 1942. Nama asalnya Madrasah Al-Maarif (dalam Al-Maarif, 1993 : 26). Sekolah bertaraf gred A ini ditadbirkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT). Seramai 78 orang tenaga pengajar yang terdiri daripada pelbagai taraf perjawatan. Seramai 56 orang guru yang dilantik oleh JHEAT, 16 orang guru di bawah Kementerian Pendidikan (yang diberi pinjam oleh kementerian tersebut) dan 6 orang guru Sementara Harian. Dari segi bilangan pelajar pula, pelajar lelaki ialah seramai

361 orang, pelajar perempuan seramai 708 orang. Jumlah besar pelajar ialah seramai 1069 orang.

Fokus pengkaji tertumpu kepada 26 orang guru bahasa iaitu, 8 guru bahasa Melayu, 8 guru bahasa Inggeris dan 10 orang guru bahasa Arab yang mengajar dari Tingkatan 1 hingga 6. Daripada 16 orang guru bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di atas, hanya 10 orang dijadikan sampel untuk ditemuduga. Guru bahasa Arab tidak termasuk dalam bidang kajian ini.

3.3.2 Latar Belakang Pelajar

Sebelum pengkaji mengfokuskan perbincangan kepada 80 subjek kajian yang dipilih itu, saya ingin menerangkan latar belakang pelajar sekolah ini secara umum terlebih dahulu. Sekolah ini mempunyai 1069 orang pelajar kesemuanya, dari tingkatan satu sehingga ke tingkatan enam. Kebanyakan pelajar datang dari sekitar daerah Besut. Tetapi bagi tingkatan 4 dan 5 aliran Sains Tulin, kebanyakan pelajarnya berasal dari daerah Kuala Terengganu, Marang, Kuala Berang dan beberapa daerah lain dalam negeri Terengganu. Begitu juga pelajar di tingkatan 6 rendah dan atas, kebanyakannya berasal dari luar daerah Besut. Mereka adalah pelajar terpilih daripada sekolah-sekolah agama lain di seluruh negeri Terengganu.

Sekali lagi ditegaskan bahawa fokus utama pengkaji ialah pelajar-pelajar tingkatan 4, 80 orang dijadikan sampel kajian untuk disertasi ini. Sampel ini dipilih secara sistem persampelan kelompok. Walau bagaimanapun, tidak semua pelajar yang menjawab soal selidik yang diedarkan. Justeru, pengkaji hanya memberi tumpuan kepada responden yang menjawab soal selidik saja. Segala analisis kepada dapatan ini berdasarkan kepada sampel yang menjawab soal selidik yang diberikan. Semua responden berumur lebih kurang 16 tahun. Mereka semua terdiri daripada satu bangsa, iaitu Melayu.

Tingkatan	Bil Pelajar			Bil Responden			%
	L	P	J	L	P	J	
4 Sains	9	29	38	4	24	28	35
4 Asas 3	7	32	39	3	25	28	35
4 Asas 6	11	19	30	9	15	24	30
Jumlah	27	80	107	16	64	80	100.00

Jadual 3.1: Bilangan responden.

Daripada kajian yang dilakukan sebagaimana dalam Jadual 3.1 di atas, 35% (28 orang pelajar) daripada Tingkatan 4 Sains yang mewakili pelajar ‘pintar’. Mereka dipilih daripada 10 buah sekolah agama di seluruh negeri Terengganu. Dengan perkataan lain, mereka adalah pelajar terpilih. 35% (28) daripada Tingkatan 4A3 yang mewakili golongan pelajar ‘sederhana’. Mereka berasal dari sekolah ini, dan bukan pelajar terpilih. Manakala 30% (24) daripada sampel ialah daripada Tingkatan 4A6, yang merupakan pelajar dari

kelas yang ‘lemah’. Mereka mewakili pelajar-pelajar yang lemah dari segi pencapaian akademik. Mereka berasal dari sekolah ini, dan bukanlah pelajar terpilih.

Berdasarkan Jadual 3.1 di atas juga kita dapati sebahagian besar pelajar terdiri daripada pelajar-pelajar perempuan; iaitu sebanyak 80% (64). Manakala pelajar lelaki terdiri daripada 20% (16) sahaja.

3.3.3 Pencapaian Akademik Pelajar

Gred	Mata pelajaran			
	Bahasa Melayu		Bahasa Inggeris	
	Bil	%	Bil	%
A	47	58.75	7	8.75
B	25	31.25	17	21.25
C	8	10.00	9	11.25
D			22	27.50
E			25	31.25
Jumlah	80	100.00	80	100.00

Jadual 3.2 : Gred pencapaian mata pelajaran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di peringkat PMR.

Berdasarkan Jadual 3.2 di atas, kebanyakan pelajar mendapat gred A dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (B.M), iaitu seramai 58.75% (47). Gred paling rendah yang mereka perolehi ialah gred C iaitu 10% (8).

Manakala pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris (B.I) sangat rendah. Hal ini kerana majoriti pelajar mendapat gred E bagi mata pelajaran ini, iaitu 31.75% (25). Pelajar yang mendapat gred A hanya 8.75% (7 orang saja).

Hal ini menunjukkan pencapaian pelajaran B.I jauh lebih merosot berbanding dengan mata pelajaran B.M. Fenomena ini tidak menghairankan, kerana masalah ini merupakan perkara biasa di kalangan pelajar-pelajar Melayu di luar bandar. Pelajar-pelajar sekolah agama di bawah pentadbiran kerajaan negeri juga tidak dapat lari daripada gejala ini.

Jika diambil kira tentang keputusan PMR 1997 secara keseluruhannya. Pelajar paling tinggi pencapaiannya memperolehi 7A, 2B. Manakala pelajar paling lemah pula memperolehi 2C, 6D, 1E. Jika diteliti dari kelas ke kelas, kelas elit (4 Sains) mempunyai pelajar yang memperolehi antara 7A hingga 3A dalam PMR. Bagi kelas sederhana (4A3) pelajar paling tinggi pencapaiannya ialah 1A (19 orang) dan paling rendah ialah 3B (1 orang). Manakala pelajar di kelas lemah (4A6), pencapaian paling tinggi dalam PMR ialah 4B (1 orang) dan paling rendah ialah 2C (1 orang).

Tingkatan	B.Melayu		B.Inggeris	
	Minat	T.Minat	Minat	T.Minat
4S	28	-	25	3
4A3	28	-	27	1
4A6	24	-	18	6
Jumlah	80	-	70	10
Peratus	100.00	-	87.50	12.50

Jadual 3.3 : Minat pelajar mempelajari mata pelajaran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Jadual 3.3 di atas dapat menjelaskan tentang minat pelajar-pelajar mempelajari mata pelajaran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Daripada tinjauan yang dibuat, dapati semuanya meminati B.M, iaitu 100%. Apabila ditinjau tentang minat mereka mempelajari B.I, sebanyak 87.50% (70) meminati mata pelajaran itu. Selebihnya, 12.50% (10) menyatakan tidak berminat mempelajari mata pelajaran tersebut. Enam daripada 10 orang pelajar yang menyatakan tidak berminat itu datang dari kelas yang lemah.

Pernyataan Pendapat	B.M		B.I	
	Bil.	%	Bil.	%
Cukup	62	77.50	55	68.75
Tidak cukup	9	11.25	18	22.50
Lebih dari cukup	9	11.25	7	8.75
Jumlah	80	100.00	80	100.00

Jadual 3.4 : Pandangan tentang jumlah masa belajar mata pelajaran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam seminggu.

Dapatan Jadual 3.4 di atas menjelaskan pandangan para pelajar tentang jumlah masa belajar bagi kedua-dua mata pelajaran bahasa tersebut. Masa yang diperuntukkan bagi mata pelajaran B.M ialah 6 waktu seminggu. Manakala mata pelajaran B.I sebanyak 5 waktu seminggu. Berdasarkan Jadual 5 di atas, sebanyak 77.50% (62) menyatakan jumlah masa belajar bagi mata pelajaran B.M sudah cukup. Hanya 11.25% (9) menyatakan jumlah masa belajar bagi mata pelajaran itu “tidak cukup”. Sejumlah 9 orang pelajar juga menyatakan bahawa jumlah masa belajar bagi mata pelajaran ini terlalu banyak atau “lebih daripada cukup”.

Bagi mata pelajaran B.I pula, sebanyak 68.75% (55) berpendapat bahawa masa belajar yang diperuntukkan itu “cukup”, selebihnya, 22.50% (18) menyatakan “tidak cukup” dan 8.75% (7) menyatakan “lebih daripada cukup”. Paling ramai

pelajar yang menjawab “tidak cukup” ialah dari kelas 4A6 (7 orang), 4A3 (seramai 6 orang) dan paling sedikit dari Tingkatan 4 Sains (5 orang saja).

3.3.4 Latar Belakang Guru

Seperti yang diterangkan sebelum ini, sekolah ini mempunyai 78 orang guru. Dari segi jantina, seramai 28 orang guru lelaki dan 50 orang guru perempuan. Dari segi status jawatan pula, terdapat seramai 72 orang guru tetap dan 6 orang guru sementara. Daripada 72 orang guru tetap, seramai 35 orang guru siswazah (kategori DG 2 dan DG 3) dan 37 orang guru bukan siswazah (kategori DG 6). Oleh kerana sekolah ini di tadbir oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT), maka sebahagian besar guru di sekolah ini dilantik oleh jabatan ini. 56 orang guru tetap dan 6 orang guru Sementara Harian dilantik oleh JHEAT. Selebihnya, seramai 16 orang guru yang berkhidmat di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Mereka berkhidmat di sekolah ini sebagai guru yang dipinjamkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPN).

Fokus kajian ini tertumpu kepada 8 orang guru B.M dan 8 orang guru B.I. Daripada 8 orang guru B.M, 3 orang daripadanya guru siswazah dan 5 orang bukan siswazah. Bagi guru B.I pula, hanya 1 orang guru siswazah dan 7 orang

Kelas-kelas ini disusun berdasarkan keputusan peperiksaan PMR 1997. Pelajar-pelajar yang memperolehi keputusan yang paling cemerlang dalam peperiksaan itu ditempatkan di Tingkatan 4 Sains dan 4A1. Manakala pelajar-pelajar yang paling rendah pencapaiannya ditempatkan di Tingkatan 4A5 dan 4A6.

Pelajar-pelajar dari Tingkatan 4 Sains, 4A3 dan 4A6 dipilih sebagai sampel dalam penyelidikan ini.

Pengkaji memilih jenis persampelan kelompok dalam kajian ini. Rasional penulis memilih rekabentuk persampelan ini ialah, persampelan jenis ini lebih mudah dipilih dan boleh dibuat penyeliaan yang lebih rapi. Tingkatan 4 Sains dipilih mewakili kelompok pelajar yang 'cerdik'. Tingkatan 4A6 dipilih mewakili kelompok pelajar di kelas yang 'lemah'. Manakala Tingkatan 4A3 dipilih mewakili kelompok yang 'sederhana' dari segi pencapaian akademiknya. Dari segi bilangan pelajar, semua kelas mempunyai jumlah pelajar yang hampir sama, iaitu antara 25 hingga 35 orang pelajar. Adalah dijangkakan bahawa semua nilai kecenderungan memusat seperti min, mod dan penengah (median) akan diperolehi dalam kelompok 'sederhana ini'.

3.4.2 Responden Guru

Jumlah responden di kalangan guru pula ialah 10 orang, iaitu 5 orang guru bahasa Melayu (B.M) dan 5 orang guru bahasa Inggeris (B.I). Jumlah populasi guru yang mengajar di sekolah ini ialah seramai 78 orang. Seramai 8 orang guru yang opsyennya mata pelajaran B.M, 8 orang guru B.I dan 10 orang guru Bahasa Arab. Yang selebihnya mengajar mata-mata pelajaran lain.

3.5 **Alat Kajian**

Terdapat dua jenis alat kajian yang digunakan oleh pengkaji. Alat pertama ialah satu set soal selidik yang digunakan ke atas responden pelajar (Lampiran A). Alat kedua ialah satu set soalan temubual untuk digunakan ke atas responden guru (Lampiran B).

3.5.1 Alat Kajian Responden Pelajar

Alat kajian yang digunakan untuk pelajar-pelajar ialah satu set soal selidik yang mengandungi 36 soalan (Lampiran A). Daripada 35 soalan itu, 19 berupa soalan berstruktur atau soalan tertutup. Setiap soalan disediakan pilihan jawapan. Walau bagaimanapun, terdapat juga 16 soalan yang berupa soalan

jawapan dibina dalam bentuk mengisi jawapan di dalam ruang kosong. Soalan-soalan begini dipanggil soalan terbuka.

Satu daripada kelebihan soal selidik tertutup ialah mudah dijawab. Arahan diberi kepada subjek supaya memilih jawapan yang paling tepat berasaskan cadangan-cadangan jawapan untuk soalan yang dikemukakan.

Pelajar-pelajar diberi tempoh 24 jam untuk menjawab semua soalan dalam soal selidik itu. Mereka dibenarkan membawa pulang borang-borang ini. Mereka dikehendaki memulangkan kepada pengkaji pada keesokan harinya. Setelah semua borang soal selidik dijawab dan dipulangkan kepada pengkaji, pengkaji mula memproses data. Data dan maklumat itu diproses untuk dihuraikan dalam penyelidikan.

3.5.2 Alat Kajian Untuk Guru

Alat kajian yang digunakan untuk guru-guru pula ialah satu set soalan untuk ditemubual (Lampiran B), buku catatan dan radio kaset. Dalam wawancara itu, setiap orang guru dikemukakan dengan 27 soalan tentang penggunaan kamus. Pendapat yang dikemukakan oleh mereka dicatat dan dirakamkan oleh

pengkaji. Idea mereka ditukarkan ke bentuk data, untuk diproses dan diuraikan dalam penyelidikan ini.

3.5.3 Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian

Untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan alat kajian, pengkaji mengambil beberapa langkah tertentu. Langkah pertama, pengkaji menggunakan jadual penentu semasa memilih soalan-soalan untuk membina soal selidik itu. Langkah kedua, pengkaji menyerahkan borang soal selidik kepada penyelia untuk disemak dan diteliti. Semakan dan penelitian ini penting untuk meningkatkan kesahan kandungan alat ukur itu (soal selidik). Setelah penyelia meluluskan borang soal selidik itu, pengkaji menjalankan langkah seterusnya. Langkah ketiga , pengkaji menguji soal selidik itu di Tingkatan 4A4, kelas di tempat pengkaji mengajar mata pelajaran bahasa Melayu. Kelas ini bukanlah subjek kajian sebenar. Kajian rintis ini dijalankan sebanyak 2 kali untuk memastikan data yang diperolehi itu tekal. Alat ukur yang mengukur sesuatu gagasan atau pembolehubah dengan tekal dikatakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Penyemakan, penelitian dan pengujian soal selidik itu dilakukan untuk memastikan item mana yang perlu diperbaiki, dibuang atau diganti dalam

borang soal selidik. Dengan cara demikian, kesahan dan kebolehpercayaan borang soal selidik itu adalah terjamin.

Begitu juga dengan butir-butir soalan yang hendak ditanyakan dalam temubual dengan guru-guru. Soalan-soalan itu telah diserahkan kepada penyelia untuk disemak, diteliti dan kemudian meluluskannya.

3.6 Tatacara Kajian

Semasa di sekolah, penyelidik terlebih dahulu berjumpa dengan Pengetua untuk memohon kebenaran bagi mengadakan penyelidikan. Setelah menentukan kelas-kelas yang hendak dikaji, penyelidik mengedarkan borang-borang soal selidik kepada pelajar di kelas-kelas tersebut. Penyelidik mengagihkan borang-borang soal selidik kepada responden di kelasnya. Responden diberi masa selama 24 jam untuk menjawab semua soalan dalam soal selidik itu. Responden membawa borang-borang itu pulang ke rumah mereka. Keesokannya, penyelidik sekali lagi pergi ke kelas-kelas yang terlibat untuk mengumpul borang-borang itu. Responden memulangkan semula borang-borang yang telah diisi kepada penyelidik. Setelah borang-borang soal selidik itu dikumpul, penyelidik mula mencari dapatan-dapatan.

Bagi guru-guru pula, pengkaji mengadakan temuramah secara tidak formal di bilik guru. Temuramah dilakukan seorang demi seorang di bilik guru. Itu pun jika guru tersebut ada kelapangan dan tiada guru lain berhampirannya. Semua jawapan yang diberi, dicatat dan dirakam oleh pengkaji.

3.7 Penganalisan Data

Kaedah statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis data. Daripada 80 borang soal selidik yang telah dijawab oleh responden, penyelidik mencari kekerapan (frekuensi) kiraan jawapan yang dijawab oleh responden. Setelah kekerapan jawapan itu diperolehi, penyelidik mencari pula peratus kekerapan jawapan itu. Penyelidik juga cuba menganalisis perbezaan atau perbandingan data-data. Hasil daripada pengiraan itu penyelidik membentuk jadual-jadual. Mana-mana dapatan yang tidak memerlukan penghuraian secara jadual, pengkaji akan menghuraikan secara deskriptif sahaja. Segala dapatan kajian dan perbincangan mengenainya akan dihuraikan dengan selengkap dalam bab ke empat.